

SURAT AKUAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN MTUN

A. MAKLUMAT PROJEK				
Nama Ketua Projek				
No. Kad Pengenalan / Passport:				
Tajuk Projek				
Kod Projek KPM / UTHM				
Jumlah Peruntukan Diluluskan		RM		
Tempoh Projek	bulan	Tarikh Mula:	Tarikh Tamat:	
		Tarikh Lanjutan:		
Bidang & Sub Bidang				
Fakulti/Institut /Pusat				
Nama Penyelidik Bersama				
Bil.	Nama	No. K/P @ Pasport	Institusi	T/Tangan
1				
2				
3				
4				
5				

B. MAKLUMAT PERAKUAN

Ketua Projek dan Penyelidik bersama adalah bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berikut :

- i. Akan melaksanakan penyelidikan sepertimana skop, objektif yang telah dipersetujui dan diluluskan.
- ii. Akan mematuhi semua peraturan, garis panduan atau apa-apa ketetapan institusi pemberi dana (Kerajaan) serta memikul kebertanggungjawaban/akauntabiliti terhadap peruntukan yang diluluskan.
- iii. Akan mematuhi peraturan pengurusan pentadbiran dan kewangan kerajaan dan universiti dan mengamalkan pengurusan kewangan yang baik dan berhemah.
- iv. Akan bekerjasama dalam menjalankan penyelidikan dengan mewujudkan pasukan penyelidikan yang cemerlang dan berwibawa
- v. Akan menunaikan tanggungjawab seperti berikut:
 - a) Menyediakan laporan kemajuan pada **setiap tiga (3) bulan** sekali.
 - b) Menyediakan laporan kewangan pada **setiap enam (6) bulan** sekali.
 - c) Menyediakan laporan tamat penyelidikan dalam tempoh **dua (2) bulan** selepas projek tamat.
 - d) Menyediakan laporan akhir dalam bentuk profil/tesis (mengikut format geran yang berkaitan) dalam tempoh **dua (2) bulan** selepas tamat penyelidikan.
 - e) Mencapai output yang dijanjikan iaitu :
(Merujuk kepada KPI/output jenis geran yang berkaitan)
 - i. Mewujudkan kolaborasi penyelidikan bersama industri dan memperolehi dana penyelidikan daripada industri bernilai sekurang-kurangnya RM 50,000.00
 - ii. Menerbitkan hasil penyelidikan dalam bentuk jurnal berindeks Scopus/laporan teknikal (ISBN) yang diiktiraf oleh universiti.
Penghargaan kepada geran, KPM dan MTUN, tajuk projek, mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.
 - iii. Menghasilkan bakat bertaraf pelajar PhD / Sarjana (jika berkaitan).
 - iv. Menghasilkan harta intelek (jika berkenaan).
 - v. Menghasilkan video pendek berdurasi 3-5 minit
 - f) Jika bersesuaian, mendaftarkan harta intelek dapatan penting penyelidikan untuk menjaga kepentingan pemberi dana (kerajaan) dan universiti.
 - g) Digalakkan terlibat dalam aktiviti pemindahan teknologi, jaringan dan jangkauan.
- vi) Mengambil maklum bahawa pihak kerajaan atau universiti boleh menangguhkan sebarang tuntutan dan bayaran; menggantung atau memberhentikan serta apa-apa tindakan yang bersesuaian ke atas mana-mana projek penyelidikan sekiranya penyelidik gagal menunaikan tanggungjawab seperti yang ditetapkan dalam perenggan di atas.

Diperbuat dan diakui sebenar-benarnya oleh:

.....

(Tandatangan Ketua Penyelidik)

.....

(Tandatangan Pengarah RMC)

Cop Rasmi Jabatan :

Nama :

No. Kad

Pengenalan :

Tarikh :

(Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan kepada pihak RMC sebanyak **dua (2) salinan**)